

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 12 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 28**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1533-L12618  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-
  - (a) apakah status terkini kapasiti penjanaan elektrik dan rizab tenaga bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
  - (b) adakah bekalan sedia ada mencukupi untuk menampung permintaan dan keperluan industri pusat data yang semakin berkembang pesat.
  
2. PN-1533-L12580  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - (a) apakah strategi Kementerian untuk membendung amalan rasuah dalam kalangan pegawai agensi Kerajaan yang terlibat dalam urusan kemasukan tenaga kerja dari luar negara; dan
  - (b) berapakah jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing setakat ini.
  
3. PN-1533-L12425  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah pencarum KWSP yang telah memindahkan caruman dari Akaun 1 ke Akaun 3 dan berapakah jumlah pencarum serta caruman yang telah dikeluarkan dari Akaun 3 setakat ini; dan

(b) apakah strategi jangka panjang untuk memastikan pelaburan KWSP tidak terjejas ekoran penstrukturan semula akaun KWSP.

4. PN-1533-L13018

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan rasionalisasi dan justifikasi tentang keperluan rundingan draf Kod Tatalaku (COC) antara negara Malaysia dan China dan sejauh mana dokumen ini mampu menangani isu berkaitan Laut China Selatan.

5. PN-1533-L12673

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memberi suntikan baharu kepada muzium-muzium yang berada di negara kita sebagai tempat pelancongan utama selari dengan hasrat mendedahkan budaya masyarakat kita dalam menuju Tahun Melawat Malaysia 2026.

6. PN-1533-L12852

**Senator Dr. Lingeshwaran a/I Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk memasuki universiti akibat kesusahan kehidupan keluarga dan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil untuk turun berinteraksi secara terus dengan pelajar-pelajar baru di universiti dan sama ada langkah ini disambut baik oleh para mahasiswa.

7. PN-1533-L12457

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperkenalkan semula Rakan Muda di Malaysia seterusnya menarik minat anak-anak muda menyertai program ini.

8. PN-1533-L12908

**Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek Rapid Transit System (RTS) Link yang menghubungkan Singapura dan Johor Bahru.

9. PN-1533-L12996

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk meluaskan pembangunan Infrastruktur Digital di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Sekiranya ada, apakah perancangan yang telah dilaksanakan dan sejauh mana kejayaan program tersebut secara terperinci mengikut tahap pelaksanaan.

10. PN-1533-L12774

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana nilai sinergi dan prestasi pulangan pelaburan, hasil khidmat kewangan dan prestasi pengurusan dana saham amanah ASM MARA oleh Pelaburan MARA Berhad bagi tahun 2023 dan 2024 serta jaminan unjuran prestasi cemerlang pada 2025.

11. PN-1533-L12929

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah nilai dan peratus yang akan direalisasikan dalam tahun Belanjawan 2025 daripada jumlah besar pelaburan yang dikatakan akan melabur di dalam negara ini.

12. PN-1533-L12542

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani krisis kesihatan mental yang semakin membimbangkan dalam kalangan belia akibat daripada tekanan ekonomi, sosial, dan digital pada masa kini.

13. PN-1533- L12405

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini sebuah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA), serta apakah rasional penubuhan agensi ini dalam membantu membanteras jenayah terancang seperti penyeludupan barang dan pemerdagangan orang.

14. PN-1533- L12437

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian mengenai keperluan memperkukuhkan pendidikan sivik dan patriotisme melalui mata pelajaran khusus seperti Tatarakyat dalam usaha membina masyarakat yang lebih harmoni dan berintegrasi.

15. PN-1533-L12598  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperluaskan hub digital ke kawasan Batu Kawah di Kuching yang mempunyai potensi besar sebagai pusat inovasi digital di Sarawak.
16. PN-1533-L13004  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sekiranya Pengamal Perubatan Am berminat untuk membuka klinik perubatan atau klinik pesakit luar di luar pusat perubatan dan bagaimana cara supaya proses tersebut menjadi lebih mudah.
17. PN-1533-L12743  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirangka bagi meningkatkan peratusan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil dan sekolah persendirian.
18. PN-1533-L12375  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam pengangkutan termasuk penggunaan sistem pengangkutan pintar. Apakah langkah yang diambil untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam pengurusan pengangkutan di Malaysia.
19. PN-1533-L12870  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan metodologi dan kriteria yang digunakan dalam membuat keputusan mengenai pemberian subsidi dan bantuan sosial untuk kumpulan sasaran dan sama ada kos sara hidup di wilayah yang berbeza telah dipertimbangkan.
20. PN-1533-L12811  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan dan pendakwaan terhadap ahli-ahli GISB berkaitan dengan aktiviti dan amalan yang dianggap menyalahi undang-undang dan keagamaan serta status kanak-kanak yang diberi perlindungan dalam kes ini.

21. PN-1533-L12522

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) mengapa terdapat banyak kebun getah terbiar dan pokok-pokok getahnya tidak bertoreh dan apakah usaha Kerajaan bagi menarik minat golongan muda untuk mengusahakan kebun getah terbiar; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan telah melaksanakan kajian untuk memberi insentif atau menaikkan bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil getah bagi menampung kos sara hidup yang tinggi pada masa ini.

22. PN-1533-L12766

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan faktor-faktor kegagalan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang ditubuhkan bagi menangani isu-isu padi dan industri beras negara khususnya melibatkan ketiadaan beras tempatan dalam pasaran domestik.

23. PN-1533-L12962

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan perniagaan dan tindakan UDA Holdings, sebagai salah satu pemaju hartanah utama negara, serta bagaimanakah kepakaran mereka dapat membantu memperkasa pembangunan agenda Bumiputera di Sabah.

24. PN-1533-L12609

**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meneroka ekonomi biru di Sabah dan mewujudkan ruang potensi yang memberi hasil serta kebaikan kepada negara melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

25. PN-1533-L12384

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan dan pertahanan negara dalam menghadapi ancaman yang semakin kompleks; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian merancang untuk mengukuhkan strategi pertahanan negara dalam konteks geopolitik yang dinamik.

26. PN-1533-L13095  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan untuk menurunkan kadar remaja mengandung luar nikah, dan bagaimana Kerajaan akan memastikan semua usaha dalam menangani perkahwinan kanak-kanak dilaksanakan di setiap negeri.
27. PN-1533-L13075  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha bagi menyediakan perumahan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) serta tindakan jangka pendek dan panjang yang dirancang.
28. PN-1533-L12947  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan jangkaan siap sepenuhnya projek ECRL ini.
29. PN-1533-L12727  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan Kementerian bagi mengatasi masalah tangga gaji tidak wajar yang akan timbul sejurus pelaksanaan Gaji Minimum RM1,700 memandangkan kebanyakan majikan telah mengumumkan bahawa tangga gaji tersebut tidak akan memberi peningkatan gaji kepada pekerja lama .
30. PN-1533-L12499  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan limpahan keuntungan ekonomi daripada industri inap desa dapat dikongsi dengan komuniti setempat.
31. PN-1533-L12590  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperketatkan undang-undang mengenai masalah kesihatan mental kerana sejak kebelakangan ini ramai pesalah kemalangan jalan raya menggunakan masalah mental sebagai alasan untuk menyelamatkan diri dari kesalahan jalan raya.

32. PN-1533-L12628

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu buli yang masih berlaku dalam kalangan pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sehingga telah mencemarkan imej universiti.

33. PN-1533-L12938

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif tambahan bagi membantu pelajar India dari keluarga berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, termasuk pembiayaan dan biasiswa yang khusus.

34. PN-1533-L12645

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan faktor kekerapan insiden pesawat penerbangan Malaysia Airlines (MAS) sejak awal tahun 2024 sehingga menjejaskan nama baik penerbangan nasional di mata antarabangsa dan adakah MAS termasuk MAB Engineering Services (MABES) mempunyai kekurangan jurutera dan tenaga kerja mahir bagi penyelenggaraan pesawat MAS sekarang.

35. PN-1533-L12702

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

(a) apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan industri perlombongan urban; dan

(b) adakah infrastruktur dan perundangan yang sedia ada mencukupi untuk membangunkan sektor ini.

36. PN-1533-L12797

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca 26 daripada 111 Inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 tidak dapat dilaksanakan dan adakah Kerajaan masih berhasrat untuk melaksanakan baki 26 inisiatif tersebut dan strategi untuk memastikan semua 26 inisiatif tersebut dilaksanakan.

37. PN-1533-L13010

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di negara ini, serta jumlah kerugian terakru yang dihadapi, dan apakah sebab-sebab yang menyebabkan syarikat-syarikat tersebut mengalami kerugian.

38. PN-1533-L12843  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan pelajar STPM gagal mendapat pilihan program yang dipilih oleh mereka melalui Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar (UPUOnline) ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2024/2025.
39. PN-1533-L12416  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Kementerian melihat komitmen pelaburan terbaharu yang berjumlah AS\$2.2 bilion yang diumumkan oleh Microsoft terhadap potensi digital Malaysia. Adakah terdapat rancangan khusus untuk memastikan peluang pekerjaan dan manfaat ekonomi yang dihasilkan melalui pelaburan ini dapat dirasai secara menyeluruh termasuk di Sabah.
40. PN-1533-L12900  
**Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif yang sedang dibuat untuk mengubah budaya membuli di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Bagaimanakah inisiatif-inisiatif itu diukur dan dipantau untuk memastikan keberkesanan inisiatif tersebut.
41. PN-1533-L12819  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik terkini kemiskinan tegar mengikut negeri dan kaum di seluruh negara.
42. PN-1533-L12358  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi autonomi kepada Sarawak dalam kuasa melantik Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan Pertubuhan Peladang Kawasan Sarawak.
43. PN-1533-L12982  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan telah menjalankan sebarang penyelidikan atau kajian untuk memahami skala dan impak penyebaran pornografi di media sosial terhadap masyarakat. Bagaimanakah data tersebut dapat digunakan untuk merumuskan dasar yang lebih berkesan.

44. PN-1533-L13068  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah persediaan dan perancangan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN untuk tahun 2025.
45. PN-1533-L12712  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi meminda klausa pengecualian penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang terkandung dalam Seksyen 17(1) Akta Pendidikan 1996 dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan secara menyeluruh seterusnya menjadikan platform penyatuan rakyat di negara ini.
46. PN-1533-L12637  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan terkini berhubung Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan penuai sawit profesional yang perlu diwujudkan untuk menangani isu kekurangan pekerja dalam bidang berkenaan dan sejauh manakah keberkesanan terhadap kumpulan pertama yang telah menyertai sebagai penuai sawit profesional sejak awal tahun 2024.
47. PN-1533-L12832  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap pemantauan dan kepatuhan kenderaan berat terhadap had laju dan muatan yang ditetapkan di jalan raya bagi mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan kenderaan berat serta aliran trafik kenderaan berat terkini di lebuh raya utama.
48. PN-1533-L12466  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah mesin dialisis di Klinik Kesihatan Sungai Asap dan Klinik Kesihatan Belaga yang tidak mencukupi.
49. PN-1533-L12757  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat perjawatan di Jabatan Pendidikan Negeri Perlis yang berpotensi untuk dinaikkan grednya, seperti perjawatan JUSA C untuk jawatan Pengarah Pendidikan Negeri Perlis.

50. PN-1533-L13058  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keberadaan pesawat tempur F-5 sama ada ia dalam proses pelupusan ataupun tidak.
51. PN-1533-L12395  
**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk mengkaji semula pemerkasaan undang-undang berkaitan pembelian barang lusuh memandangkan hukuman yang dikenakan dilihat tidak memadai kerana terdapat banyak kes kecurian kabel telekomunikasi dilaporkan.
52. PN-1533-L12447  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimakah Kerajaan memastikan sumber alam seperti hutan dan sungai dilindungi dalam pelaksanaan projek tenaga baharu dan apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan penebangan hutan bagi tujuan pembangunan tenaga.
53. PN-1533-L12890  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nisbah peruntukan dan bantuan kewangan yang diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan berbanding dengan sekolah kebangsaan, berdasarkan jumlah sekolah yang ada di seluruh negara bagi kedua-dua aliran tersebut.
54. PN-1533-L13084  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pembinaan pakej-pakej baru di Lebuh Raya Pan Borneo dapat mengurangkan pembinaan pusingan-U dan *ramps* bagi kenderaan yang ingin membuat pusingan-U, susulan beberapa kemalangan jiwa yang melibatkan pusingan-U tersebut.
55. PN-1533-L13038  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah belia yang terlibat dalam program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), dan berapa ramai daripadanya yang telah mencapai kejayaan dalam program tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.45/2024 ) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 -  
**Menyambung semula Perbahasan atas masalah**  
  
(11 Disember 2024)  
  
[ Menteri Kewangan ]  
  
**Bacaan Kali Kedua**
  
2. \*( D.R.59/2024 ) Rang Undang-undang Keselamatan Dalam  
Talian 2024  
  
[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]  
  
**Bacaan Kali Kedua**
  
3. \*( D.R.57/2024 ) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan  
(Pindaan) (No.2) 2024  
  
[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]  
  
**Bacaan Kali Kedua**
  
4. \*( D.R.58/2024 ) Rang Undang-undang Kanun Tatacara  
Jenayah (Pindaan) (No.2) 2024  
  
[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]  
  
**Bacaan Kali Kedua**
  
5. \*( D.R.52/2024 ) Rang Undang-undang Profesion Undang-  
undang (Pindaan) 2024  
  
[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]  
  
**Bacaan Kali Kedua**

6. \*( D.R.51/2024 ) Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Komunikasi ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
7. \*( D.R.46/2024 ) Rang Undang-undang Majlis Perunding Gaji Negara (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Sumber Manusia ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
8. \*( D.R.61/2024 ) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Sumber Manusia ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
9. \*( D.R.44/2024 ) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Pengangkutan ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
10. \*( D.R.60/2024 ) Rang Undang-undang Perkongsian Data 2024  
**[ Menteri Digital ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
11. \*( D.R.48/2024 ) Rang Undang-undang Kewangan 2024  
**[ Menteri Kewangan ]**  
**Bacaan Kali Kedua**
  
12. \*( D.R.49/2024 ) Rang Undang-undang Langkah-langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024  
**[ Menteri Kewangan ]**  
**Bacaan Kali Kedua**

13. \*( D.R.50/2024 ) Rang Undang-undang Cukai Bagi Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
14. \*( D.R.53/2024 ) Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
15. \*( D.R.54/2024 ) Rang Undang-undang Amanah Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
16. \*( D.R.55/2024 ) Rang Undang-undang Yayasan Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
17. \*( D.R.56/2024 ) Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
18. \*( D.R.64/2024 ) Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
19. \*( D.R.18/2024 ) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

20. \*( D.R.20/2024 ) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
21. \*( D.R.43/2024 ) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
22. \*( D.R.65/2024 ) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
23. \*( D.R.66/2024 ) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.